

NOTIS TERKINI PENGESAHAN DOKUMEN UMRAH

- Bagi dokumen sokongan permohonan visa umrah, hanya satu salinan sahaja yang diperlukan oleh Kedutaan Besar Arab Saudi.
- Tiada caj akan dikenakan pada pengesahan salinan pertama dokumen. Bagaimanapun, **caj sebanyak RM 20** akan dikenakan bagi setiap satu **salinan tambahan** yang ingin disahkan.
- Kerjasama ejen umrah dalam memaklumkan jemaah umrah berkenaan bilangan dokumen yang diperlukan dan caj tambahan yang akan dikenakan.
- Pihak kementerian juga hanya akan menerima dokumen yang dihantar oleh ejen umrah yang berdaftar dan jemaah sahaja. Dokumen yang terima daripada wakil persendirian (*runner*) tidak akan dilayan.
- Dokumen yang diserahkan **melalui ejen** akan disahkan dalam masa **tiga (3) hari bekerja** dari tarikh penghantaran.
- Dokumen yang dihantar oleh **jemaah** pula akan disahkan dalam masa **satu (1) hari bekerja**.

NOTICE: LATEST PROCEDURE ON ATTESTATION FOR UMRAH

- Only **one (1) copy** of supporting document will be endorsed for each jemaah. No fee required for the first copy endorsed. **RM 20** will be **charged per additional copies**.
- The Ministry will only endorse documents from registered agents and jemaah. **Personal agents (runner) will not be entertained**.
- **Document** submitted through **agents** will be endorsed in **three (3) working days** from the date of submission. **One working day** is required for endorsement of documents submitted **by Jemaah**
- Umrah agents are advised to inform all jemaah on the above requirements and the attestation procedure.

SENARAI SEMAK DOKUMEN UMRAH DAN HAJI

Kategori	Senarai Dokumen yang Diperlukan	Catatan
1. Wanita di bawah 45 tahun dan bermahramkan suami	1. Salinan sijil nikah	1. Sijil nikah disahkan oleh Jabatan Agama Bahagian Nikah Cerai Dan Rujuk dan seterusnya disahkan oleh Wisma Putra
2. Suami isteri membawa anak berumur di bawah 17 tahun	1. Salinan sijil nikah 2. Salinan sijil lahir anak	1. Salinan sijil nikah disahkan oleh Jabatan Agama Bahagian Nikah Cerai Dan Rujuk ; 2. Salinan sijil lahir disahkan oleh JPN dan seterusnya disahkan oleh Wisma Putra
3. Adik beradik perempuan bermahramkan adik beradik lelaki sekiranya bapa telah meninggal dunia	1. Salinan sijil lahir adik beradik tersebut 2. Salinan sijil kematian bapa	1. Semua salinan sijil lahir/kematian perlu disahkan oleh JPN seterusnya disahkan oleh Wisma Putra
4. Wanita di bawah 45 tahun yang telah kematian bapa dan bermahramkan bapa saudara atau saudara lelaki	1. Salinan sijil lahir jemaah wanita 2. Salinan sijil lahir mahram tersebut 3. Surat kebenaran (<i>Letter of Consent</i>) daripada adik beradik lelaki 4. Salinan sijil kematian bapa	1. Semua salinan sijil lahir/kematian perlu disahkan oleh JPN 2. <i>Letter of consent</i> perlu disediakan di Pesuruhjaya Sumpah dan seterusnya disahkan oleh Wisma Putra
5. Anak angkat (umur anak angkat tertakluk kepada keperluan Kedutaan Arab Saudi)	1. Salinan sijil anak angkat 2. Salinan sijil nikah Ibu dan bapa angkat	1. Salinan sijil lahir disahkan oleh JPN 2. Salinan sijil nikah disahkan oleh Jabatan Agama Islam Bahagian Nikah Cerai dan Rujuk dan seterusnya disahkan oleh Wisma Putra
6. Wanita di bawah 45 tahun / anak lelaki berumur di bawah 17 tahun dan bermahramkan ayah tiri	1. Surat kebenaran (<i>Letter of Consent</i>) daripada ayah kandung 2. Salinan surat cerai 3. Salinan sijil nikah terkini 4. Salinan sijil lahir	1. Sijil nikah disahkan oleh Jabatan Agama Bahagian Nikah Cerai Dan Rujuk ; 2. Sijil lahir disahkan oleh JPN 3. <i>Letter of consent</i> perlu disediakan di Pesuruhjaya Sumpah dan seterusnya disahkan oleh Wisma Putra
7. Wanita berkahwin yang berumur di bawah 45 tahun tetapi bermahramkan bapa/bapa saudara/ adik beradik lelaki	1. Salinan sijil nikah 2. Salinan sijil lahir bapa/ bapa saudara/ adik beradik lelaki 3. Salinan sijil lahir jemaah wanita tersebut 4. Surat kebenaran (<i>Letter of Consent</i>) daripada suami	1. Sijil nikah disahkan oleh Jabatan Agama Bahagian Nikah Cerai Dan Rujuk ; 2. Sijil lahir disahkan oleh JPN 3. <i>Letter of consent</i> perlu disediakan di Pesuruhjaya Sumpah dan seterusnya disahkan oleh Wisma Putra

